
Title	Apa maknanya peribadi Melayu
Author	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1982 Muhammad Ariff bin Ahmad

ceramah kebudayaan
kepada Pelajar-pelajar Pra-U
di JURONG JUNIOR COLLEGE
Sabtu: 27 Mac 1982 jam 14.00.

Topik: APA MAKNANYA PERIBADI MELAYU

1. Makna kekata PERIBADI dan MELAYU

Sebelum menghuraikan lebih lanjut tentang Makna Peribadi Melayu itu, marilah lebih dahulu kita tinjau makna kamus kekata-kekata "peribadi" dan "Melayu" itu.

Kamus Dewan memaknakan "peribadi" itu ialah *diri sendiri* atau *perseorangan*. "Pendapat peribadi" maknanya pendapat perseorangan; pendapat seseorang yang tidak ada kena-mengena dengan pendapat orang lain. "Pengawal peribadi" ialah pengawal prevet bagi diri seseorang.

"Berperibadi" bermakna mempunyai peribadi (sifat-sifat tersendiri). Dalam contoh ayat: *Seorang pengarang haruslah merupakan manusia yang berperibadi* (maksudnya: manusia yang mempunyai sifat-sifat kesendirian yang tulen; bukan tiruan dari sifat-sifat orang lain).

"Keperibadian" ialah perihal peribadi, misalnya dalam contoh ayat: *Sebuah cerpen Melayu haruslah menampakkan ciri-ciri keperibadian Melayu* (maksudnya: cerpen itu haruslah menunjukkan perihal peribadi Melayu).

Kamus Umum Bahasa Indonesia memaknakan "keperibadian" itu sebagai keseluruhan sifat-sifat yang merupakan watak seseorang, misalnya dalam contoh ayat: *Dalam sesebuah karangan terbayang keperibadian pengarangnya*.

Kedua-dua kamus tersebut di atas memaknakan kekata "Melayu" itu sebagai nama 'bangsa' dan 'bahasa' (terutama yang di Semenanjung Tanah Melayu = sekarang, Malaysia).

Menurut sejarah: nama "Melayu" itu baru dikenali semenjak kira-kira pada tahun 600 Masihi, iaitu nama bagi satu bangsa manusia yang mendiami lembah Sungai Melayu (satu daripada anak-anak sungai Musi di Palembang Tua dalam Sumatera). Dari Palembang, orang-orang ini dikatakan telah berhijrah ke Bentan kira-kira dalam tahun 1300 Masihi, kemudian ke Temasik kira-kira dalam tahun 1337, lalu berpindah dan membuka negeri Melaka kira-kira dalam tahun 1373 Masehi. Kerajaan Melayu Melaka telah berpindah ke Johor dalam tahun 1511 Masihi dan kemudian ke negeri-negeri di seluruh Tanah Melayu.

Orang-orang Melayu yang masih tinggal di Palembang, mulai pada 28 Oktober 1928 telah masuk menjadi bangsa Indonesia; dan orang-orang Melayu di Semenanjung, mulai dari 16 September 1965 telah menjadi bangsa Malaysia.

Dari keterangan di atas terjawablah pertanyaan "Apa Maksudnya Peribadi Melayu" yang menjadi topik ceramah ini, iaitu: PERIBADI MELAYU ialah ciri-ciri pokok yang menunjukkan sifat-sifat asli (watak) orang-orang Melayu seluruhnya, sama ada yang masih bernama Melayu; atau yang sudah berubah menjadi orang Malaysia atau Indonesia.

2. Sifat-sifat/Watak (Keperibadian)

Pertumbuhan sifat-sifat atau watak seseorang atau sekumpulan tertentu orang-orang adalah terpengaruh oleh keadaan, tempat, zaman dan pengalaman hidup orang atau kumpulan orang-orang itu. Demikianlah dengan watak (peribadi) Melayu.

(a) *Zaman Primitif:*

Menurut sejarah: Orang-orang Melayu asli ialah keturunan orang Mongol Tua yang datang ke seluruh kepulauan Melayu ini; mereka hidup bercampur-gaul, bersemenda dengan penduduk tempatan (termasuk Semang dan Sakai). Pertemuan dua cara hidup (kebudayaan) yang dihayati oleh mereka menjadikan orang-orang Melayu asli itu hidup:

- (1) mempunyai sistem sosial yang berpuak-puak menurut titisan darah ibu;

- (2) tahu bercucuk tanam, memelihara hidup-hidupan dan berburu binatang;
- (3) memuja ruh nenek-moyang, percaya kepada semangat dan makhluk-makhluk ghaib;
- (4) mempunyai semacam senis suara dan senitari ketika dalam keadaan mabuk (tampoi).

(b) Zaman Hindu:

Kira-kira dalam abad ke-4 Masihi, peniaga-peniaga India telah mulai datang ke Alam Melayu. Secara tak langsung, orang-orang Melayu mulai tahu berniaga; mempelajari dan menganut agama Hindu seperti mana yang dihayati oleh peniaga-peniaga India itu. Seorang pengembara Cina, I Tsing menceritakan pada tahun 671 Masihi telah ada sebuah perguruan Buddha di Sri Wijaya (Palembang Tua). Ramai orang belajar falsafah Buddha di perguruan itu.

(c) Zaman Islam:

Dalam tahun 1292 Masihi, ketika Marco Polo (seorang pengembara Italy) di Perlak dan Pasai (di Sumatera) ia mendapati orang-orang Melayu di situ masih beragama Hindu, tetapi apakala ia singgah sekali lagi (dalam perjalanannya pulang ke Eropah) pada tahun 1297 didapatinya orang-orang di situ sudah pandai membaca Quran.

Pada tahun 1402, Orang-orang Melaka telah memeluk agama Islam. Semenjak itu agama Islam terus berkembang di Alam Melayu. Hal itu menjadikan orang-orang Melayu di Tanah Melayu 100 peratus beragama Islam mulai kira-kira abad 18 Masihi; sehingga orang tidak dapat membezakan siapa Islam siapa Melayu. Orang-orang kafir yang memeluk agama Islam (mualaf) diungkapkan "masuk Melayu" - tidak "masuk Islam".

(d) Zaman Tamadun Barat:

Mulai dari kira-kira permulaan abad 16 Masihi, orang-orang Eropah pula telah mendatangi Alam Melayu ini. Perniagaan dan campurtangan mereka dalam urusan negara-negara Melayu menyebabkan banyak pula perubahan watak (sikap, pandangan, pendirian dan cara hidup) orang-orang Melayu. Kebudayaan orang Melayu banyak yang terugat (terutama dalam hal-hal yang mengenai sistem ekonomi, sistem pendidikan, kesenian dan teknik) walaupun setengah-setengah hal yang mengenai keperibadian Melayu masih terpelihara.

3. Keperibadian Melayu

Dari semenjak zaman primitif lagi sistem hidup berpuak-puak; hidup dalam kumpulan "masyarakat tertutup" dengan sistem disiplin tertentu telah menjadi amalan orang-orang Melayu. Orang Semang yang tinggal di bangsal "pisang sesikat" dan sentiasa berpindah-randah itu membezakan kumpulan (puak)nya dengan orang Sakai yang tinggal di "ran" (pondok di celah dahan pokok) suka bercucuk tanam dan tinggal berkampung.

Bagaimanapun, kedua-dua puak orang Melayu asli itu adalah patuh kepada disiplin hidup bermasyarakat dengan sistem kepemimpinan menggunakan "batin", "demang", "jenang", "jekerah" dan "penghulu"; dan patuh kepada kepemimpinan itu menimbulkan watak KEKITAAN (bukan keakuan atau keengkauan) dalam masyarakat Melayu itu. Semangat KEKITAAN itu mendorong orang-orang Melayu bertanggungjawab terhadap masyarakatnya dan menolak rasa selfish. Tidak ada kekata Melayu yang senilai dengan kekata Inggeris "selfish" itu kerana selfish bukanlah peribadi Melayu.

Apakala tahap tamadun orang-orang Melayu semakin meningkat, disiplin atau aturan-aturan hidup yang memelihara kesejahteraan masyarakatnya itu dikenal dengan nama ADAT. Pada zaman sekarang ADAT itu lebih dikenal dengan sebutan "Undang-undang" atau "Perlembagaan". Perbezaan antara keduanya ialah: Adat tersemat pada setia sedangkan undang-undang termeterai pada lembaga.

Orang Melayu mendisiplinkan dirinya dalam kehidupan bermasyarakat dengan "Perbilangan Adat" yang mengatakan:

"Hidup dikandung adat;

mati dikandung tanah."

Perbilangan itu mengajarkan bahawa manusia yang hidup akan menemui mati. Yang demikian hidup manusia itu haruslah bertempat dan berhak milik secara adil dan matinya pula biarlah bertempat secara wajar - tidak terbiar seperti matinya seekor binatang.

Untuk memastikan supaya ADAT atau disiplin masyarakat itu terpelihara, ditetapkanlah dalam "Perbilangan Adat" itu:

"Biar mati anak; jangan mati adat."

Masyarakat Melayu yakin bahawa dengan memelihara adat atau disiplin itu, anak-anak dan keturunan mereka dapat terpelihara dan selamat hidupnya kerana dengan adat atau dengan disiplin itu tidak ada perkara yang tidak dapat dikerjakan; tidak ada masalah yang tidak dapat diselesaikan.

Sahlah bahawa:

(a) bersemangat keKITAan (tidak selfish) dan

(b) patuh kepada ADAT (disiplin) itu

adalah dua "Peribadi Melayu" yang pokok kerana dari semangat kekitaan itu lahir peribadi yang mulia, seperti kasih-sayang antara satu sama lain seperti mengasihi diri sendiri; rasa tanggungjawab bersama untuk mencapai kejayaan bersama dan yang seumpamanya; manakala dari semangat patuh kepada adat itu melahirkan peribadi mulia seperti hormat-menghormati antara satu sama lain.

Banyak pengajaran ADAT MELAYU yang melahirkan peribadi yang mulia, umpamanya: bersekutu; bersyarikat; bekerjasama berusaha dan menikmati pembahagian hak secara adil. Antaranya terdapat dalam Perbilangan-perbilangan Adat ini:

(a) *BERSATU HATI*

Duduk berpelarasan:

dekat rumah dekat kampung

halaman satu, sepermainan

seperigi sepermandian

sejamban setepian.

Muafakat tak bertukar;

rahsia tak berubah.

Ibarat labu menjalar ke hulu;

ibarat kundur menjalar ke hilir:

pangkalnya sama dipupuk,

*pucuknya sama digentis/digentas**

buahnya sama ditarik.

Ke bukit sama didaki;

ke lurah sama dituruni;

ke laut sama direnangi:

Yang berat sama dipikul;

yang ringan sama dijinjing,

hati gajah sama dilapah;

hati nyamuk sama dicecah.

Sembah kepada datuk.

(b) MUAFAKAT dan ADAT

Kelebihan Nabi dengan mukjizat
Kelebihan umat dengan muafakat
Bulat air kerana pemetung
Bulat manusia kerana muafakat
tatkala kecil bernama muafakat
tatkala besar bernama adat
Si Raja adat kepada muafakat
*Air melurut dengan bendar/bandar*nya*
Benar melurut dengan muafakatnya
Negeri bertumbuh dengan adatnya
Muafakat lalu di dalam gelap
Adat lalu di tengah terang.

Alah adat oleh muafakat.

dan banyak lagi....

Dari Perbilangan Adat (a) frasa "*Sembah kepada datuk*"... itu mengajar orang Melayu supaya patuh kepada kepemimpinan atau ketua. Patuh kepada kepemimpinan itu termasuklah juga patuh kepada ibubapa, guru-guru dan kepada orang-orang yang lebih tua umurnya atau ilmunya atau kedudukannya. Bagaimana harus seseorang itu patuh kepada yang tuanya tergantunglah kepada keadaannya, kerana ada Perbilangan Adat yang menyatakan:

Sepertama kalam Allah
Kedua kalam Nabi
Ketiga kalam nang tua:
Bak apalah kalam nang tua?
Alam beraja
Luak berpenghulu
Lingkungan berlembaga
Buapak (ibubapa) beranak buah
Sembah kepada datuk.

Dari Perbilangan Adat (b) pula masyarakat Melayu dianjurkan supaya sentiasa bermuafakat; supaya membuat keputusan atau kesimpulan mengenai sesuatu menerusi musyawarah; supaya menyelesaikan segala masalah menerusi musyawarah. Jangan melakukan sesuatu menurut pertimbangan sendiri sahaja dengan bersimharajalela atau dengan cara "beraja di mata bersultan di hati".

Meninjau apakah asas penyusunan ADAT Melayu itu, kita bertemu sebuah Perbilangan Adat yang mengatakan:

JALAN NANG DUA TEREPAR

Siapakah yang cerdik bijaksana?

Pertama Datuk Perpatih

Kedua Datuk Temenggung

Yang mengetahui jalan dua terepar

Mana jalan nang dua terepar?

Pertama jalan kerana Allah

Kedua jalan kepada dunia

Mana jalan yang kerana Allah?

Pertama mengucap

kedua sembahyang

ketiga zakat

keempat puasa

kelima naik haji

Mana jalan yang kepada dunia?

Pertama gong dan canang

Kedua makan dan minum

Ketiga semenda-menyemenda.

Setelah menentukan dasar hidup yang ditujukan kepada pencapaian duniawi dan ukhrawi itu, untuk menyesuaikan adat itu dengan keadaan tempat yang hanya diduduki oleh orang-orang Melayu dan dengan tempat yang telah diduduki oleh dagang mendatang, maka mengundanglah kedua beradik (Datuk Perpatih dan Datuk Temenggung) itu, katanya:

Ke laut Adat Temenggung; ke darat Adat Perpatih

Adat Temenggung:

Siapa menjala siapa terjun

Siapa bersalah siapa bertimbang

Siapa berhutang siapa membayar

Siapa membunuh siapa kena bunuh.

Adat Perpatih

Hutang berturut

Cagar bergadai

Cencang pampas

Bunuh beri balas.

Dengan itu berbahagi dualah orang-orang Melayu, mana-mana yang tinggal di ulu (darat) mengikut Datuk Perpatih, dan yang tinggal di bandar-bandar (di pasar dagang) mengikut Datuk Temenggung. Namun, pegangan kepada "Jalan nang dua terepar" - jalan kerana Allah dan jalan kepada dunia itu tidak berubah.

Kalau kita perhatikan benar-benar, akan kita dapati bahawa 3 jalan yang kepada dunia itu adalah selaras dengan 7 unsur kebudayaan semesta yang diatitkan oleh ahli-ahli kebudayaan sejagat.

- (a) gong dan canang: meliputi (1) bahasa dan kesusasteraan
(2) pengajaran dan pendidikan
(3) kepercayaan (bukan agama)
- (b) makan dan minum: meliputi (4) mata pencarian & sistem ekonomi
(termasuk: pertanian, perternakan, perindustrian, perburuhan dsb)
- (c) semenda-menyemenda: ,, (5) sistem kemasyarakatan (termasuk persemendaan, kekerabatan, hukum & adat, organisasi & politik)
(6) peralatan dan perlengkapan hidup (termasuk perumahan, pakaian, kenderaan, pengangkutan dsb)
dan (7) kesenian (termasuk senisuar, senirupa, senisilat, hiburan dsb)

Perbilangan Adat "Jalan nang dua terepar" jelas menunjukkan bahawa "Peribadi Melayu" adalah peribadi yang sesuai untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan mendapat kesejahteraan di akhirat. Ini menjadikan nilai hidup orang-orang Melayu adalah tersukat oleh nilai kebudayaan dan nilai agama (Islam) secara serentak. Kedua nilai itu harus cocok atau selaras. Sesuatu yang sah menurut pandangan kebudayaan tetapi batil menurut kacamata Islam adalah tidak layak menjadi "Peribadi Melayu". Contohnya: perkahwinan antara Islam dengan bukan-Islam menerusi pendaftaran adalah sah dari segi kebudayaan tetapi ia tidak sah menurut Islam, maka perlakuan itu tidak layak jadi "Peribadi Melayu".

Demikianlah. Mudah-mudahan uraian singkat ini dapat juga mencapai atau sekurang-kurangnya membuka jalan menuju ke pencapaian yang di maksudkan oleh pihak penganjur. Insya Allah.